

20 MAY 1999

Mahathir-PM

MAHATHIR ROMBAK KABINET, KEMUDIAN BERLEPAS KE BATAM

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Ketika pembantu perdana menteri sedang bersiap sedia untuk lawatan ke Pulau Batam, Indonesia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan persidangan media hari ini di tengah-tengah kesibukan aktiviti itu untuk mengesahkan spekulasi rombakan kecil kabinet membabitkan dua menteri kanan.

Memakai "bush jacket" kelabu kegemarannya, Dr Mahathir kelihatan relaks semasa memasuki bilik persidangan di Jabatan Perdana Menteri pada pukul 8.45 pagi untuk mengumumkan perubahan dalam barisan kabinet kepada pemberita tempatan dan asing.

Para pemberita (terhad seorang setiap satu organisasi) yang telah berkumpul di luar pejabat perdana menteri seawal 7 pagi, berjalan masuk ke bilik persidangan pada pukul 8 pagi, lima minit sebelum Dr Mahathir tiba di pejabatnya untuk mula bertugas.

Persidangan media itu yang dijadualkan pada pukul 8.30 pagi lewat kira-kira 15 minit. Ia bukannya perkara biasa bagi perdana menteri untuk mengadakan persidangan media seawal ini.

Semasa Dr Mahathir mengambil tempat duduk, seorang pemberita mendekati beliau untuk meletakkan pita rakaman di atas meja dan mengucapkan "Selamat Pagi" kepadanya dan perdana menteri menjawab dengan ucapan yang sama.

"O.K., Sedia," kata Dr Mahathir sebelum beliau memulakan persidangan media dengan membacakan kenyataan dua muka surat.

Dua menteri kanan yang digugurkan dalam rombakan itu ialah Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Seri Sabbaruddin Chik.

Semasa persidangan media itu, Dr Mahathir ditanya mengenai sebab rombakan kabinet itu, ekonomi Malaysia, pilihan raya umum yang akan diadakan dan pertemuan beliau dengan Presiden Indonesia B.J.Habibie di Pulau Batam dekat Singapura.

Beliau turut mengkritik parti pembangkang semasa seorang pemberita bertanya kepada beliau sama ada pihak pembangkang akan membuat spekulasi terhadap rombakan kabinet itu.

"Parti pembangkang, walaupun kita tidak berbuat apa-apa, mereka akan buat spekulasi. (Mereka buat spekulasi) saya dah mati hari itu. Saya buat haji, mereka kata saya tak buat dengan sempurna. Itu semua spekulasi," katanya.

Perdana Menteri yang sentiasa bersedia menjawab pelbagai soalan daripada pemberita, bagaimanapun agak terkejut apabila tidak banyak soalan diajukan kali ini.

"Habis dah? Tiada lagi soalan? Terima kasih banyak. Anda semua baik hati," katanya.

Dr Mahathir dilihat pada persidangan berita itu memegang sebuah buku. Semasa seorang pemberita bertanya mengenai buku itu, beliau menjawab: "Buku ini? tak ada apa," dan ketawa.

Persidangan media itu berakhir 10 minit kemudian.

Sebelum ia bermula, setiausaha akhbar perdana menteri Zakaria Wahab, seperti biasa memberi taklimat kepada media mengenai "apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan" semasa persidangan itu.

"Anda boleh tanya PM apa sahaja dalam tempoh 30 minit nanti. Selepas itu, PM akan berlepas ke Pulau Batam," kata Zakaria.

Dr Mahathir ke Batam, sebuah pulau di Indonesia yang terletak dalam Kepulauan Riau, untuk mengadakan perbincangan dengan Habibie, satu

perjumpaan yang dicadangkan oleh Jakarta.

-- BERNAMA

ES RHM RON